

6,000 pelajar UMP pilih wakil Khamis ini

KUANTAN: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) perlu bertindak profesional dan menangani setiap masalah pelajar, bukan sekadar duduk mencanang diri masing-masing sebagai wakil MPP tanpa bertindak mengatasi isu diutarakan.

Sebagai wakil pelajar, pemimpin dilantik perlu mempunyai hubungan dua hala yang kukuh dengan pengurusan universiti bagi memastikan semua masalah berbangkit dapat ditangani sebaik mungkin.

Seorang calon MPP Universiti Malaysia Pahang (UMP), Mohd Hazwan Syafig Harun, 21, berkata MPP menjadi medium menjaga kepentingan pelajar dan hak asasi mahasiswa terutama menyalurkan masalah kepada pengurusan universiti.

"Kita akan lakukan yang terbaik dan meneruskan kesinambungan kepimpinan terdahulu dengan memberi lebih ruang kepada mereka mengemukakan pelbagai pandangan, saranan dan cadangan bernas dan memberi impak terbaik kepada pelajar," katanya.

Pelajar Tahun Dua Fakulti Kejuruteraan Mekanikal itu yakin mendapat sokongan padu pelajar berikutan misi dan visinya untuk melahirkan 'mahasiswa peduli' akan digunakan sebagai slogan sepanjang tempoh berkempen.

Pelajar keturunan Cina yang bertanding bagi kategori calon fakulti, Ong Hang



MINAT...sebahagian pelajar mendengar taklimat mengenai kaedah pemilihan wakil pelajar, semalam.

Chuan, 22, meminta semua pelajar membuat keputusan tepat memilih wakil yang dapat membantu menyelesaikan pelbagai masalah dan isu.

"Saya mahu setiap pelajar memanfaatkan peluang memilih pemimpin yang berbilang-bawa, memiliki daya kepimpinan dan beriltizam tinggi serta menjadi penghubung antara pelajar dan pengurusan universiti untuk menyelesaikan masalah dan pertikaian.

"Banyak perkara yang masih belum dapat diselesaikan kepimpinan lama, justeru saya berharap calon dipilih ini dapat meneruskan kesinambungan ditinggalkan dan menambah baik semua ke-

kurangan yang ada," kata pelajar tahun dua Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli ini yang berkempen menggunakan slogan Mahasiswa Untuk Mahasiswa.

Pelajar Tahun Dua, Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian, Nurul Nadia Mat Jalaluddin, 22, akan memberi tumpuan terhadap beberapa isu utama membabitkan keselamatan pelajar wanita dan penyediaan kemudahan awam yang lebih baik di sekitar kampus.

"Bagaimanapun, saya berharap pemilihan saya kelak bukan kerana saya seorang wanita tetapi apa yang saya perjuangkan untuk kebaikan semua pihak," katanya yang

berpeluang menjadi pelajar wanita pertama berucap di Sudut Pidato selepas majlis pelancarannya yang dilakukan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Akademik (HEPA), Profesor Dr Mohd Ridzuan Nordin di UMP Kampus Gambang, dekat sini, kelmarin.

Ketiga-tiga calon pemilihan MPP itu antara 39 pelajar diumumkan bertanding bagi membentuk jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar (MPPUMP) bagi sesi 2009/2010, di UMP Kampus Gambang, semalam.

Kira-kira 6,000 pelajar dijangka memilih calon masing-masing, Khamis ini di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang bermula jam 9 pagi hingga 4 petang.